

Tarikh: Thursday 21-02-2008 20:19

Topik: Articles & News

Pilihanraya dan Teknologi Maklumat

Pilihanraya Umum ke 12 yang sedang hangat dirasakan di negara kita sekarang ini telah menjadi semakin rancak apabila rakyat telah berpusu-pusu naik ke alam langit (siber) untuk mencari maklumat terkini yang lazimnya tiak diperolehi dari media arus perdana.

Semenjak pilihanraya tahun 1999 lagi, internet telah menjadi satu kuasa baru dinegara kita - kuasa untuk menyampaikan maklumat alternatif dan ianya mempunyai impak yang amat besar kepada senario politik negara apabila jarang berlaku di dalam sejarah negara di mana menteri-menteri kabinet tewas di dalam pilihanraya.

Pilihanraya 2008 nampaknya seperti perulangan dari sejarah itu.

Ditambahkan pula dengan kerancakan pembina-pembina blog dari kalangan ahli politik menjadikan tidak ada satu pun yang kini mampu menghalang pengaliran maklumat sekalipun media arus perdana negara dikatakan dikuasai oleh parti pemerintah.

Yang menariknya ialah internet tidak diminati oleh golongan pro-establishment (baca: pro-kerajaan) dan sandainya ada, ianya tidak dilakukan secara intensif berbanding yang dilakukan oleh pihak lawan.

Mungkin pihak pro-establishment merasakan peranan yang telah dimainkan oleh media arus pedana dan media eletronik seperti radio dan tv sudah memadai untuk memberikan liputan yang meluas kepada mereka.

Namun bagi mereka yang anti-establishment, nampaknya internet menjadi satu kepelrluan yang amat mendesak apabila mereka mendapati "tanah di gelanggang silat" tidak seimbang.

Saya tertarik dengan salah satu lamanweb yang telah menggunakan teknologi maklumat secara paling berkesan dan optima dengan portal yang begitu menarik, malah mempunyai stesyen radio dan tv internetnya sendiri.

Lamanweb ini dikendalikan oleh sebuah sayap pemuda sebuah parti politik pembangkang di negara ini iaitu lamanweb tranungkite.net.

Dengan bilangan keahliannya yang melebihi 10,000 orang, portal Tranungkite Online atau ringkasnya TKO yang menggunakan CMS PHPNUKE ini adalah satu portal yang amat menarik perhatian saya. Apatah lagi ia membuktikan bahawa CMS PHPNUKE rekaan Fransisco Burzi itu sebenarnya mampu untuk menampung sejumlah bilangan ahli yang ramai.

Siaran radio dan tv yang disiarkan di TKO mempunyai dua channel iaitu channel prima dan channel universal (tko.fm dan tko.tv) adalah satu pembaharuan terkini di dalam dunia penyebaran maklumat berdigital dan mampu memaparkan siaran kepada pengguna internet.

Satu channel sudah memadai namun tambah satu lagi lagi channel adalah seumpama bonus kepada pemilik portal berkenaan.

Samada mereka akan berjaya ataupun tidak, masih terlalu awal untuk dibuatkan ukuran, namun usaha ke arah penggunaan teknologi maklumat sebagai satu media terkini amatlah dipuji.

Siaran TV mereka bermula seawal jam 9.00 pagi waktu Malaysia dan siaran radionya lazim dikeudarakan jam 9.00 malam.

Saya bukan mengajak untuk bersama anti-establishment, tetapi saya rasa gembira kerana mereka telah memanfaatkan teknologi maklumat "to the fullest".

Sama-sama kita saksikan di bawah ini:

Berikut ialah kodingnya:

```
<object align="middle"
codebase="http://activex.microsoft.com/activex/controls/
mplayer/en/nsmp2inf.cab#Version=6,4,5,715"
type="application/x-oleobject" height="300"
id="MediaPlayer" standby="Loading ManiaTV Video
Experience..." width="315"
classid="CLSID:6BF52A52-394A-11d3-B153-00C04F79FAA6">
<param value="mms://202.190.177.76:8000/TKO.fm"
name="url"/>
<param value="-1" name="AutoStart"/>
<param value="full" name="uiMode"/>
<param value="1" name="rate"/>
<param value="0" name="balance"/>
<param value="0" name="currentPosition"/>
<param name="defaultFrame"/>
<param value="1" name="playCount"/>
<param value="0" name="currentMarker"/>
<param value="-1" name="invokeURLs"/>
<param name="baseURL"/>
<param value="50" name="volume"/>

<param value="0" name="mute"/>
<param value="0" name="stretchToFit"/>
<param value="0" name="windowlessVideo"/>
<param value="-1" name="enabled"/>
<param value="-1" name="enableContextMenu"/>
<param value="0" name="fullScreen"/>
<param name="SAMISStyle"/>
<param name="SAMILang"/>
<param name="SAMIFilename"/>
<param name="captioningID"/>
<param value="0" name="enableErrorDialogs"/>
<embed
pluginspage="http://www.microsoft.com/Windows/MediaPlaye
r/" videoborderwidth="0" transparentatstart="1"
stretchtofit="1" autostart="1" showstatusbar="1"
showtracker="1" animationatstart="1"
src="mms://202.190.177.76:8000/TKO.fm"
type="application/x-mplayer2" height="300"
id="MediaPlayerFF" videoborder3d="0" width="315"
showcontrols="1"
name="MediaPlayer"></embed></object>

<br/><br/>
```

Artikel dari ZUL W3C COMPLIANCE NUKE:
<http://zulkiptyharun.com/php>

URL:

<http://zulkiptyharun.com/php/modules.php?name=News&op=NEArticle&sid=93>